

PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA

THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Perdaya guna e-dompet Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 16 March 2020

Language: Malay Section: Kedah

Page: 25

Perdaya guna e-dompet

Polis Kedah kesan taktik baharu sindiket penipuan dalam talian

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

olis Kedah berjaya mengesan taktik baharu sindiket penipuan dalam talian yang menggunakan kad pengenalan orang awam untuk mendaftar aplikasi e-dompet di negeri ini sejak Januari lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kedah, Superintendan Elias Omar berkata, sindiket terbabit menawarkan bayaran sehingga RM300 bagi setiap akaun e-dompet yang berjaya didaftarkan.

Katanya, dalam tempoh Januari hingga Februari lalu, sebanyak 25 kertas siasatan telah dibuka melibatkan kerugian sebanyak RM600,000.

"Kita yakin sindiket ini mulai beralih ke aplikasi e-dompet kerana sistem bayaran tanpa tunai ini boleh digunakan di mana-mana sahaja sama ada untuk urus niaga atau mendapatkan tunai.

"Sehingga kini, seramai 50 orang awam telah dikesan menyerahkan kad pengenalan mereka untuk didaftarkan,"



Elias menunjukkan gambar suspek yang sedang dikesan untuk membantu siasatan kes penipuan menggunakan aplikasi e-dompet.

katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah di sini semalam.

Menurutnya, berdasarkan siasatan, sindiket tersebut menggunakan ejen untuk memperdaya orang awam bagi mendaftarkan e-dompet dengan menyasarkan golongan berpendapatan rendah.

"Mangsa pula tidak sedar bahawa akaun e-dompet mereka disalahgunakan untuk penipuan kerana semua urusan termasuk nombor TAC dihantar ke nombor telefon scammer berkenaan," katanya.

Menurutnya, bertindak atas laporan yang diterima, pasukan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kuala Muda berjaya menahan dua lelaki tempatan awal bulan ini dalam daerah berkenaan.

"Ketika serbuan, kedua-dua suspek berusia 23 tahun itu sedang mendaftar kad pengenalan orang awam ke sistem e-dompet. Polis turut merampas enam buah telefon bimbit pelbagai jenis, 13 kad sim pelbagai telco serta enam keping kad ATM.

"Polis juga sedang mengesan seorang lagi suspek yang dipercayai berada di Bahau, Negeri Sembilan.

"Kepada mereka yang mempunyai maklumat berkaitan suspek terbabit boleh hubungi balai polis berdekatan," katanya.